


LAPORAN KEJADIAN HUJAN LEBAT DI NEGERI PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG PADA 15 SEPTEMBER 2017

Pengenalan

Pada 15 September 2017, negeri-negeri bahagian utara Semenanjung Malaysia telah dilanda hujan lebat. Terdapat beberapa kawasan di negeri Pulau Pinang dilanda banjir kilat. Keadaan ini adalah disebabkan oleh keadaan atmosfera yang sedia ada adalah lembap sepanjang minggu dan ditambah pula dengan pengaruh Taufan Doksuri yang berada di utara Vietnam pada 15 September. Secara amnya negara kita masih lagi dipengaruhi oleh Monsun Barat Daya atau Monsun Musim Panas Hemisfera Utara yang agak lemah dan dalam fasa penghujung monsun ini.

Taufan Doksuri menyebabkan penumpuan aliran angin dan kelembapan terjadi terutamanya di kawasan utara semenanjung. Keadaan ini telah menyumbang kepada episod hujan lebat di kawasan utara Semenanjung Malaysia dengan kemuncak hujan lebat berlaku pada 15 September 2017.

Taufan Doksuri



Rajah 1: Jejak Taufan Doksuri

Rajah 1 memaparkan laluan Taufan Doksuri. Taufan Doksuri dilaporkan terbentuk pada 12 September 2017 di kawasan lubuk panas Lautan Pasifik Barat (*west Pacific warm pool*) iaitu terletak di timur Kepulauan Filipina. Ia merupakan ribut tropika yang ke-19 yang diberi nama pada tahun ini. Taufan Doksuri bermula sebagai lekukan

tropika yang lemah pada 10 September 2017 dan seterusnya menjadi ribut tropika pada 12 September 2017. Menjelang 14 September 2017, kekuatan Doksuri semakin meningkat dan dinaiktaraf sebagai taufan. Kelajuan angin maksimum Taufan Doksuri ialah 200 km/h. Pada 15 September 2017 Taufan Doksuri mabada Vietnam. Sehari selepas itu, taufan ini bergerak ke arah barat laut, kemudian menjadi lemah dan seterusnya menghilang.


Taburan Hujan Semasa Kewujudan Taufan Doksuri

Nama Stesen	Hujan (mm)			Purata Bulan September
	14 Sep 2017	15 Sep 2017	16 Sep 2017	
Alor Setar	16.8	35.8	22.2	276.5
Langkawi	30.2	182.4	44.4	351.1
Ipoh	19.4	25.0	0	206.8
Lubok Merbau	1.4	38.6	0	172.1
Sitiawan	1.2	29.6	0	167.7
Chuping	13.0	59.8	18.8	226.3
Bayan Lepas	46.2	138.2	10.0	339.0
Butterworth	30.4	172.8	1.8	288.2
Prai	17.0	387.4	17.2	260.4


Jadual 1 : Jumlah hujan harian (mm) dan purata hujan (mm) bulan September

Jadual 1 menunjukkan jumlah hujan harian terkumpul pada 14, 15 dan 16 September 2017 bagi stesen-stesen meteorologi di utara Semenanjung Malaysia meliputi negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Kesemua stesen ini menunjukkan jumlah hujan maksimum pada 15 September 2017. Jumlah hujan sehari di Prai yang direkodkan pada 15 September 2017 ialah 387.4 mm, iaitu melebihi dari nilai purata hujan bulan September. Jumlah hujan harian stesen Prai pada 15 September 2017 ini juga telah memecahkan rekod jumlah hujan harian tertinggi di Prai sebelum ini iaitu sebanyak 323.2mm yang berlaku pada 17 September 1995.

Rajah 2 dan **Rajah 3** menunjukkan imej gema radar dan imej satelit masing-masing pada jam 8.00 pagi 15 September 2017. Imej radar dan satelit tersebut jelas menunjukkan hujan lebat berlaku di kawasan barat laut Semenanjung Malaysia kesan daripada Taufan Doksuri.



Rajah 2 : Imej gema radar pada jam 8.00 pagi 15 September 2017



Rajah 3 : Imej satelit pada jam 8.00 pagi 15 September 2017